

CNS8928

U GB 30-12 00151 BA685

AAB

Mahathir - Kekebalan

SEBAHAGIAN KUASA PENGAMPUNAN RAJA AKAN DILUCUTKAN, KATA MAHATHIR
KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pindaan perlembagaan untuk melucutkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang akan turut membabitkan perlucutan sebahagian daripada kuasa pengampunan oleh raja dan pindaan ke atas peruntukan berkenaan hasutan (dalam perlembagaan).

Pindaan-pindaan susulan itu perlu dibuat untuk memastikan keberkesanan pindaan berhubung dengan kekebalan itu, kata beliau.

Dengan pindaan ke atas peruntukan mengenai pengampunan, raja-raja tidak berkuasa untuk mengampunkan diri sendiri dan keluarga terdekat seperti anak-anak dan sebagainya, katanya kepada pemberita selepas berjumpa dengan sebanyak 1,500 pemimpin UMNO seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, dalam keadaan itu, kuasa pengampunan akan dipindahkan kepada pihak lain, mungkin kepada raja lain.

Raja-raja bagaimanapun masih duduk dalam Lembaga Pengampunan dalam kes-kes lain. -- Lagi.

▼30/12/19-06MST

CNS8968

U GB 30-12 00169 BA689

AAB

Mahathir - Kekebalan 2 Kuala Lumpur

+Berkenaan dengan hasutan, pindaan adalah perlu kerana sebarang dakwaan terhadap raja yang melakukan kesalahan masuk dalam tafsiran hasutan... iaitu kalau seorang pergi ke balai polis untuk mendakwa bahawa raja melakukan sesuatu jenayah, itu dengan sendirinya merupakan hasutan, +katanya.

Kalau laporan polis itu merupakan satu hasutan, ia akan menghalang orang ramai daripada membuat pengaduan tentang sebarang kesalahan jenayah yang dilakukan raja-raja, katanya.

+Dengan kerana ini kita harus pinda dan hapuskan peruntukan berkenaan dengan hasutan dalam perlembagaan, + kata beliau.

Perdana Menteri berkata, cadangan pindaan ke atas perlembagaan bagi melucutkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang itu, yang akan membabitkan kesalahan jenayah dan sivil, akan dibentangkan di Parlimen pada 18 Jan.

Mengenai perkara 38(4) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa tiada sebarang undang-undang yang secara langsung membabitkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja tidak boleh diluluskan oleh Parlimen tanpa persetujuan Majlis Raja-raja, beliau berkata, apa yang hendak dibentangkan nanti ialah rang undang-undang dan bukan undang-undang, --Lagi.

▼30/12/19-50MST

CNS8973

U GB 30-12 00134 DA690

A A B

Mahathir - Kekebalan 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, pertemuan antara pemimpin tertinggi UMNO dengan Majlis Raja-raja pada 16 Jan bukan bertujuan untuk mendapatkan persetujuan daripada majlis itu berkenaan dengan pindaan ke atas perlembagaan itu.

+Persetujuan akan hanya dipohon selepas rang undang-undang diluluskan oleh Parlimen kerana di peringkat rang undang-undang dibahaskan di Parlimen ia belum menjadi undang-undang... jadi kita berhak membahaskannya di Parlimen walaupun tidak mendapat persetujuan daripada raja-raja.

+Selepas itu barulah persetujuan raja-raja diperlukan dan jika persetujuan diberikan, ketika itu undang-undang akan menjadi sah, + katanya.

Beliau yakin Majlis Raja-raja akan memberikan persetujuan ke atas rang undang-undang itu.

Perdana Menteri juga berkata, persetujuan yang diperlukan untuk mengesahkan undang-undang dalam hubungan ini adalah persetujuan majoriti dan bukannya persetujuan sebulat suara oleh Majlis Raja-raja. -- Lagi.

▼30/12/19-53MST

CNS8986

U GB 30-12 00164 BA691

AAB

Mahathir - Kekebalan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berpendapat, pindaan ke atas perlembagaan itu tidak akan menjejaskan kestabilan politik di negara ini, ia mungkin hanya mengganggu soal pentadbiran perkara-perkara tertentu sahaja.

Dr Mahathir yang juga presiden UMNO berkata, pada perjumpaan hari ini beliau telah menjelaskan kepada para pemimpin UMNO dari seluruh negara mengenai masalah (berhubung kekebalan raja-raja) yang telah berlaku dan rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah itu.

+Kita berpendapat dengan adanya kekebalan ini, kemungkinan jenayah dilakukan oleh pihak raja... memangpun ada dan kalau jenayah ini berlaku, pandangan rakyat terhadap raja akan menjadi buruk dan rakyat tidak akan menghormati lagi raja-raja, + katanya.

Beliau berkata, Kerajaan merancang menghapuskan kekebalan itu supaya raja tidak akan berbuat sesuatu yang akan mendedahkan mereka kepada tindakan undang-undang dan dengan itu rakyat akan terus menghormati raja-raja.

Para pemimpin UMNO yang menghadiri pertemuan hari ini memberikan sokongan sebulat suara menyokong pendirian kerajaan dan mendesak supaya kerajaan bertegas dalam perkara ini. -- Bernama.

▼30/12/20-07MST